



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM JELAJAH DIALOG INDUSTRI AGROMAKANAN 2022 BERSAMA KOMUNITI SUBSEKTOR PENTERNAKAN DI LABIS, JOHOR

SEGAMAT, 7 MAC 2022 – Program Jelajah Dialog Industri Makanan 2022 (DIA2022) pada kali ini telah dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) di Labis, Johor bagi mendapatkan input, idea, pandangan dan cadangan daripada pemain industri untuk bersama-sama membangunkan industri penternakan yang mampan dan berdaya maju ke arah kelestarian makanan negara selaras dengan aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030 (DAN 2.0).

Sesi libat urus secara langsung bersama pihak pengurusan tertinggi MAFI ini diketuai oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee. Turut sama adalah YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YBrs. Dr Suratan bin Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan YBrs. Dr. Maria binti Jamli, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor.

Dr Ronald berkata, sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), sektor penternakan akan dipergiat untuk meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan tahap sekuriti makanan negara merentasi semua subsektor agromakanan.

“Segala permasalahan dan keperluan para pemain industri akan terus diberi perhatian oleh MAFI bagi memastikan hasil pengeluaran yang optimum sekaligus memperkasakan daya tahan sistem makanan negara,” kata beliau.

Tambah beliau, Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara (BIF PLAN 2021-2025) dan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara (DAIRY PLAN 2021-2025) yang mempunyai pelbagai inisiatif dan insentif melalui strategi-strategi khusus telah dirangka oleh Kerajaan untuk membangunkan industri ruminan Negara.

Kerajaan telah merancang beberapa program yang mampu memberi impak yang signifikan kepada industri ternakan negara termasuk Program Peningkatan Tenusu Negara, Program Peningkatan Ruminan, Rezeki Ternak Ruminan & Unggas dan Program Taman Kekal Pengeluaran Ruminan.

Inisiatif-inisiatif yang dirangka akan memastikan tahap kesejahteraan pengeluar makanan subsektor penternakan dapat terus dipertingkatkan.

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1,076,940 pada tahun 2022 yang memanfaatkan seramai lapan (8) peserta Program Penternak Kecil Projek Rintis Pembangunan Industri Tenusu Negara di sekitar Daerah Segamat. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk mempertingkatkan dan memperkasakan industri tenusu negara.

Dalam majlis ini juga, seramai 13 orang penternak muda telah menerima bantuan Program Transformasi Belia Ternak Daerah Segamat berjumlah RM95,200. Program ini diwujudkan bertujuan membantu golongan belia dalam bidang keusahawanan berasaskan sektor ternakan dan menjadikan sektor tersebut sebagai bidang kerjaya yang mampu memberi pulangan yang lumayan sekaligus membantu meningkatkan pendapatan.

Industri ternakan ruminan di Malaysia merupakan satu industri yang penting sebagai sumber protein negara dan menjadi salah satu industri utama agromakanan. Subsektor ini diunjurkan akan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK pada kadar pertumbuhan 6% iaitu daripada 17.15 bilion ringgit pada tahun 2021 kepada 28.98 bilion ringgit pada tahun 2030.

Subsektor ini juga dijangka bakal menyumbang antara 32.38% hingga 36.40% kepada jumlah KDNK sektor agromakanan dari tahun 2021 hingga tahun 2030.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7 MAC 2022